



04 FEB, 2025

## Tarif elektrik akan naik, tapi bukan 14 peratus - PM

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# ELEKTRIK NAIK, TAPI BUKAN 14 PERATUS

- Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak menolak kemungkinan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia akan naik selepas Julai depan dengan kadar yang bakal ditetapkan kelak berdasarkan semakan semula.
- Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kenaikan tersebut perlu dilakukan berpandukan kapasiti dan harga dalam tempoh tertentu. Tarif elektrik semasa dilaksanakan sejak 2014 dan tidak berubah sehingga 30 Jun 2025.
- Anwar bagaimanapun menafikan dakwaan bahawa kadar tersebut akan meningkat sebanyak 14 peratus, sebaliknya yakin kenaikan itu nanti tidak akan membebankan orang ramai.

**MUKA 6**



04 FEB, 2025

Tarif elektrik akan naik, tapi bukan 14 peratus - PM

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

# Tarif elektrik akan naik, tapi bukan 14 peratus - PM

Semakan perlu dibuat memandangkan kenaikan berkenaan perlu berlaku

Oleh **RAIHAM MOHD SANUSI**  
dan **AZLEENDA SAHALUDIN**  
KUALA LUMPUR

**K**enaikan tarif elektrik tetap akan berlaku pada separuh kedua tahun ini dengan kadar bakal ditetapkan selepas semakan semula nanti, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, semakan perlu dibuat memandangkan kenaikan kadar tarif elektrik perlu berlaku, berpandukan kapasiti dan harga pada tempoh tertentu.

Bagaimanapun beliau menafikan tarif asas elektrik di Semenanjung akan meningkat 14 peratus.

"Mengenai isu Ketidakeimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT), kadar pemindahan elektrik bukan 14 peratus. Tidak.

"Seperti yang anda tahu, kajian semula setiap enam bulan adalah berdasarkan harga semasa. Jadi, saya tidak fikir ia akan menjadi sesuatu yang terlalu membebankan atau merugikan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap tama merasmikan Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) di sini pada Isnin.



Anwar menggaul yee sang bersama tetamu lain yang hadir pada Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina ACCCIM di ibu negara pada Isnin.

Anwar menegaskan, kerajaan bersedia untuk mendengar pandangan pelbagai pihak mengenai cadangan kenaikan tarif elektrik berkenaan.

"Namun, sudah pasti ia bukan seperti yang dikatakan. Itulah sebabnya saya baharu sahaja menyepak dengan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz sekiranya saya tersilap fakta," ujarnya.

Sebelum ini media melaporkan, Tenaga Nasional Bhd (TNB) mencadangkan jadual tarif baharu dengan tarif asas 45.62 sen sekilowatt-jam (KwJ) bagi Semenanjung Malaysia di

bawah Tempoh Kawal Selia 4 (RP4) dilaksanakan mulai 1 Julai 2025.

Di bawah Tempoh Kawal Selia 3 (RP3) antara 2022 dan 2024, tarif asas ditetapkan pada 39.95 sen/kWj.

TNB menerusi makluman kepada Bursa Malaysia pada 26 Disember berkata, sebarang perbezaan dari Januari hingga Jun 2025 akan dibiayai melalui Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE).

Jadual tarif elektrik semasa yang dilaksanakan sejak 2014 akan terus berkuat kuasa tanpa perubahan dalam kadar tarif dan struktur tarif elektrik sehingga 30 Jun 2025.